

13/03/1998

2 minggu untuk pameran label buatan Malaysia

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua peruncit dan pengusaha pasar raya di seluruh negara diberi tempoh dua minggu mulai hari ini untuk mempamerkan label Barangan Buatan Malaysia dengan jelas pada rak jualan dan bahagian luar pembungkusan barangan keluaran tempatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, berkata tempoh itu ditetapkan selepas pihaknya menerima maklum balas pengusaha pasar raya yang meminta diberi kelonggaran dalam menguatkuasakan peraturan berkenaan.

Bahagian penguatkuasa kementerian itu akan mengadakan pemeriksaan di pasar raya atau kedai runcit bagi memastikan mereka mematuhi peraturan itu selepas tempoh diberikan tamat.

"Kita akan mengambil tindakan mengikut peraturan dan saya tidak fikir pengusaha akan ingkar kerana langkah ini memberi kebaikan kepada cara mereka menjual barangan," katanya selepas merasmikan Pasar Raya Carrefour di Sri Petaling dekat sini, hari ini.

Pasar raya itu adalah rangkaian Carrefour keempat di negara ini dan menyediakan kira-kira 12,000 jenis barangan pada harga berpatutan.

Turut hadir ialah isteri Megat Junid, Datin Faezah Datuk Shoib; Pengerusi Magnificent Diagraph Sdn Bhd, Datuk Ishak Ismail; dan Pengurus Besar Carrefour, Pascal Billaud.

Semalam, Kabinet mengarahkan supaya label Barangan Buatan Malaysia dipamer dengan jelas pada rak jualan dan di bahagian luar pembungkusan barangan keluaran dalam negara, berkuatkuasa serta-merta.

Megat Junid yang tertarik dengan langkah pasar raya ini menjual barangan dengan harga yang jauh lebih rendah meminta pasar raya ini mengekalkan tahap harga yang ditawarkan untuk kemudahan pengguna.

Beliau meminta pengusaha pasar raya lain mencontohi langkah Carrefour yang mendapatkan bekalan barangan terus daripada pertubuhan peladang, pengusaha industri kecil di luar bandar atau nelayan tanpa perlu melalui orang tengah.

Menurutnya, ia akan dapat membantu golongan berkenaan memasarkan barangan keluaran tempatan di pasar raya kerana sebelum ini pihaknya ada menerima rungutan daripada pembekal tempatan yang dikenakan pelbagai halangan untuk memasarkan barangan mereka melalui pasar raya besar.

Megat Junid juga meminta pengusaha pasar raya besar di seluruh negara mewujudkan `sudut taman' sebagai menyokong saranan yang diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mewujudkan persekitaran hijau.

Menurutnya, sudut taman itu yang menyediakan pelbagai jenis barangan seperti pokok, benih pokok dan baja adalah perlu bagi menggalakkan orang ramai menanam pokok atau tumbuh-tumbuhan serta menjayakan kempen buku hijau.

(END)